

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN NO. 401

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme terbaru penilaian pelajar Tahap Satu apabila sistem peperiksaan dimansuhkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memansuhkan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun murid sekolah rendah Tahap 1 adalah selari dengan konsep pembelajaran berorientasikan perkembangan murid melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS yang mula dilaksanakan untuk murid Tahun Satu pada tahun 2011 merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik dan menyeluruh yang dapat melaporkan kejayaan dan pencapaian murid melalui aspek yang dinilai iaitu aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Melalui PBS, empat (4) kaedah atau komponen pengumpulan maklumat murid diketengahkan iaitu:

1. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
2. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK);

3. Pentaksiran Psikometrik (PPsi); dan
4. Pentaksiran Pusat (PS).

Maklumat murid yang dikumpul melalui empat (4) komponen PBS ini dapat melengkapkan profil murid yang merangkumi pelibatan atau penyertaan, perkembangan dan pencapaian. Melaluinya, guru dan ibu bapa dapat menilai dan menambah baik pembelajaran murid secara berterusan.

RT49/399